	Menulis	3.6.1 Menulis untuk mengolah maklumat daripada bahan grafik kepada bentuk prosa bentuk puisi dan bentuk ilustrasi dengan menggunakan bahasa yang betul dan tafsiran yang tepat.	38	

UNIT	KEMAHIRAN	STANDARD PEMBELAJARAN	HALAMAN	TAHAP PENGUASAAN
20 INDAHNYA BUMI BERTUAH	Membaca	2.3.1 Membaca untuk menyaring dan mengenal pasti idea utama dan idea sampingan dengan betul dan tepat.	39	
	Menulis	3.7.1 Mengedit ejaan, tanda baca, dan kesalahan nahu yang mudah dengan betul tanpa mengubah maksud asal ayat.	40	
21 SEJARAH MENGAJAR ERTI KEHIDUPAN	Membaca	2.4.1 Membaca secara ekstensif pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dan ungkapan menarik dengan pemahaman dan penghayatan yang baik.	41	
	Aspek Seni Bahasa	4.4.1 Mempersembahkan pengacaraan menggunakan sebutan, intonasi, nada, gaya, dan bahasa badan yang sesuai melalui teknik yang menarik dan berkesan.	42	
22 SENI WARISAN ANAK BANGSA	Mendengar dan Bertutur	1.3.2 Mendengar dan memahami maklumat, fakta, dan idea dalam pengumuman dan ucapan dengan memberikan respons yang betul, tepat, dan bermakna.	43	
	Menulis	3.2.1 Menulis untuk menyatakan sesuatu situasi yang dibaca, didengar, dan ditonton menggunakan ayat yang betul, tepat, dan gramatis.	44	
23 JASMANI CERGAS	Mendengar dan Bertutur	1.4.1 Berbual tentang kegiatan harian serta hal-hal persendirian menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara santun.	45	
	Membaca	2.1.2 Membaca secara mekanis pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul dan nada yang sesuai.	46	
24 CERGAS AKTIF	Membaca	2.2.1 Membaca untuk memahami makna perkataan yang terdapat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari dan kamus dengan betul dan tepat.	47	
	Menulis	3.3.1 Menulis untuk melengkapkan maklumat diri dan ayat dalam pelbagai bahan dengan betul dan tepat.	48	
25 MALAYSIA HAB INDUSTRI MAKANAN	Mendengar dan Bertutur	1.4.3 Menceritakan pengalaman diri dan orang lain dalam pelbagai situasi dengan sebutan dan intonasi yang betul secara santun.	49	
	Menulis	3.4.2 Menulis perenggan pendahuluan dengan membina ayat tema, ayat rangsangan, dan ayat arahan secara terancang, tertib, dan kemas menggunakan bahasa yang tepat, indah, dan menarik.	50	
26 USAHAWAN BERWIBAWA	Membaca	2.2.3 Membaca untuk memahami idea keseluruhan dalam pelbagai bahan prosa dengan betul dan tepat secara luncuran dan imbasan.	51	
	Aspek Tatabahasa	5.5.1 Memahami dan membina ayat berdasarkan pola ayat inti dengan betul dan tepat mengikut konteks.	52	
27 MENUJU PUNCAK JAYA	Membaca	2.3.1 Membaca untuk menyaring dan mengenal pasti idea utama dan idea sampingan dengan betul dan tepat.	53	
	Aspek Tatabahasa	5.6.1 Menganalisis dan membetulkan kesalahan ayat mudah.	54	
28 PENDIDIKAN BESTARI NEGARA LESTARI	Menulis	3.5.1 Menulis isi-isi penting untuk menghasilkan ringkasan dengan betul menggunakan ayat yang gramatis.	55	
	Aspek Tatabahasa	5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama am dan kata nama khas yang tunggal dan yang mengalami pemajmukan dengan betul mengikut konteks.	56	

UNIT	KEMAHIRAN	STANDARD PEMBELAJARAN	HALAMAN	TAHAP PENGUASAAN
29 BAHASA DISULAM SASTERA DIANYAM	Mendengar dan Bertutur	1.6.1 Menyampaikan isi dan fakta tentang sesuatu perkara dengan betul dan jelas menggunakan ayat yang gramatis.	57	
	Menulis	3.6.1 Menulis untuk mengolah maklumat daripada bahan grafik kepada bentuk prosa, bentuk puisi, dan bentuk ilustrasi dengan menggunakan bahasa yang betul dan tafsiran yang tepat.	58	
30 MEREKAYASA BAHASA	Membaca	2.2.2 Membaca untuk memahami maklumat daripada arahan dalam pelbagai bahan dengan memberikan respons yang betul dan tepat.	59	
	Menulis	3.7.1 Mengedit ejaan, tanda baca, dan kesalahan nahu yang mudah dengan betul tanpa mengubah maksud asal ayat.	60	
31 KERJAYA IMPIAN	Membaca	2.2.1 Membaca untuk memahami makna perkataan yang terdapat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari dan kamus dengan betul dan tepat.	61	
	Menulis	3.5.1 Menulis isi-isi penting untuk menghasilkan ringkasan dengan betul menggunakan ayat yang gramatis.	62	
32 RENTAK KEJAYAAN	Mendengar dan Bertutur	1.7.2 Berunding untuk mendapatkan persetujuan bagi sesuatu tawaran tentang sesuatu perkara secara rasional dengan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun.	63	
	Aspek Tatabahasa	5.2.1 Memahami dan menggunakan kata ganda penuh, kata ganda penuh berimbuhan, dan kata ganda majmuk dengan betul mengikut konteks.	64	
33 SEMPURNAKAN DIRI	Membaca	2.2.1 Membaca untuk memahami makna perkataan yang terdapat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari dan kamus dengan betul dan tepat.	65	
	Aspek Tatabahasa	5.6.1 Menganalisis dan membetulkan kesalahan ayat mudah.	66	
34 TONGGAK SEJAHTERA	Mendengar dan Bertutur	1.8.2 Mengulas peristiwa mengikut urutan secara jelas dan bernas menggunakan ayat yang gramatis.	67	
	Menulis	3.4.1 Membina kerangka penulisan dengan menyenaraikan isi yang sesuai secara terancang dan kemas menggunakan bahasa yang tepat.	68	
35 DATARAN MERDEKA	Mendengar dan Bertutur	1.1.1 Mendengar dan mengenal sebutan perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat.	69	
	Membaca	2.4.1 Membaca secara ekstensif pelbagai bahan fiksiyen dan bukan fiksiyen untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dan ungkapan menarik dengan pemahaman dan penghayatan yang baik.	70	
36 NILAI DEMOKRASI	Mendengar dan Bertutur	1.2.1 Mendengar dan memahami perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat mengikut konteks.	71	
	Menulis	3.4.3 Menulis perenggan isi dan kesimpulan yang kemas menggunakan ejaan yang betul dan bahasa yang tepat.	72	

UNIT 1

Sihat Membawa Kebahagiaan

Buku Teks: m.s. 2 – 6

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

TP

Dengar dialog dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan dialog tersebut dengan rangkai kata yang betul. Sebut perkataan dan rangkai kata tersebut. **SP**
1.1.1

TRACK 1



Ahmad, bolehkah kamu ceritakan tentang aktiviti-aktiviti yang kamu amalkan untuk menjamin kesihatan badan?

Oh, begitu! Saya juga kerap minum air kosong serta mengurangkan pengambilan makanan manis dan berlemak. Hal ini dilakukan kerana saya ingin mengelakkan risiko penyakit obesiti dan kencing manis.

Saya setuju, Ahmad. Saya juga kerap melakukan aktiviti riadah seperti menunggang basikal dan mendaki gunung. Aktiviti-aktiviti ini dapat membantu kita menguatkan otot dan mengelakkan masalah kekejangan otot.

Ya, Ahmad. Kita perlu menjaga kebersihan diri supaya badan kita sentiasa sihat dan terhindar daripada penyakit seperti selesema dan cirit-birit. Contohnya, kita hendaklah membasuh tangan sebelum makan untuk memastikan makanan tersebut tidak tercemar oleh bakteria.

Saya mengamalkan pemakanan yang seimbang. Misalnya, saya sering makan makanan yang berkhasiat seperti sayur-sayuran pada setiap hari. Pemakanan yang seimbang ini bagus kerana dapat membekalkan tenaga.

Betul tindakan kamu itu, Hariz. Aktiviti senaman dan berjoging juga bagus untuk kesihatan badan kita kerana dapat mengawal berat badan, mengeluarkan peluh, dan mengurangkan kalori di dalam badan.

Adakah kesihatan badan akan terjejas sekiranya kita mengabaikan amalan penjagaan kebersihan diri?

Aspek kebersihan diri juga dapat meningkatkan keterampilan diri dan keyakinan diri seseorang ketika berinteraksi dengan orang ramai.





Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, nyatakan makna perkataan yang berhuruf tebal dengan merujuk kamus. Bina ayat yang sesuai berdasarkan perkataan tersebut. **SP**

3.1.1

Penjagaan kebersihan diri merupakan salah satu **amalan** gaya hidup sihat yang patut diamalkan oleh semua orang tanpa mengira lapisan usia. Kebersihan diri perlu dijaga pada setiap masa bagi **menjamin** kesihatan dan kesejahteraan hidup. Selain itu, penjagaan kebersihan diri dapat menghindari seseorang daripada sebarang penyakit **berbahaya** seperti COVID-19, selesema, dan cirit-birit. Peribahasa badan cergas otak cerdas menggambarkan penjagaan kesihatan diri yang baik dapat melahirkan badan yang sihat.

Pelbagai langkah boleh kita lakukan bagi menjaga kebersihan diri termasuklah mandi, memberus gigi, dan memakai pakaian yang bersih. **Perapian** diri juga amat penting sekiranya seseorang itu sentiasa berurusan dengan orang ramai. **Penampilan** kita yang kemas akan menjadi perhatian serta mengelakkan isu **kesenjangan** semasa berurusan. Hal ini penting kepada individu yang bekerja sebagai penjawat awam, swasta, atau individu yang mengurus perniagaan sendiri.

Kebersihan diri juga berkait rapat dengan kebersihan **persekitaran**. Hal ini dikatakan demikian kerana individu yang sentiasa menjaga kebersihan diri dan persekitaran akan berasa tidak selesa apabila berada di kawasan yang kotor. Oleh itu, mereka akan sentiasa **meluangkan** masa untuk membersihkan kawasan persekitaran rumah. Mereka juga tidak membuang sampah di **merata-rata** tempat dan tidak melakukan aktiviti yang dapat mencemarkan alam sekitar. Amalan kebersihan diri ini juga dapat menjadikan kehidupan kita lebih **terurus** dan berdisiplin.

Bil	Perkataan	Makna	Contoh Ayat
1.	amalan	sesuatu yang dilakukan	Saya akan bersalaman dengan ibu sebagai amalan harian sebelum pergi ke sekolah.
2.	menjamin	menjanjikan sesuatu	Sikap saling memahami dapat menjamin kehidupan masyarakat yang harmoni.
3.	berbahaya	mendatangkan kemudaratan	Perbuatan memandu kenderaan dengan lajunya berbahaya kepada diri sendiri dan orang lain.
4.	perapian	proses merapikan sesuatu	Kerja-kerja perapian pokok bunga kertas di taman itu sedang giat dijalankan.
5.	penampilan	perihal menampakkan seseorang	Penampilan Isma secara tiba-tiba setelah lama dia menghilangkan diri mengejutkan orang ramai.
6.	kesenjangan	perbezaan	Pasangan pengantin itu tetap bahagia meskipun kesenjangan usia mereka jauh berbeza.
7.	persekitaran	kawasan sekeliling	Kawasan persekitaran menjadi kotor selepas peristiwa banjir kilat itu.
8.	meluangkan	mengosongkan; melapangkan	Para hadirin dijemput untuk meluangkan masa bersama-sama tetamu kehormat.
9.	merata-rata	segenap tempat	Penyakit hawar berdarah telah merebak ke merata-rata tempat sehingga membunuh ratusan ekor ayam.
10.	terurus	terjaga dengan baiknya	Kehidupannya semakin terurus sejak ditempatkan di rumah jagaan orang tua.

UNIT 2

Amalan Kesejahteraan Hidup

Buku Teks: m.s. 7 – 12



KEMAHIRAN MEMBACA

TP

Baca pantun di bawah ini dengan sebutan dan intonasi yang betul serta nada yang sesuai. **SP**

2.1.2

Pantun Amalan Hidup Berjiran

Air mengalir ke hujung tanjung,
Mudik bersama kelisa dan sepat;
Hidup ini pasti beruntung,
Jika semua saling muafakat.

Mengayuh basikal di tepi pagar,
Basikal lama tiada bertongkat;
Saling bertanya bertukar khabar,
Hidup aman bertambah berkat.

Rasanya enak kerabu jantung,
Dibuat ulam rasanya kelat;
**Bulat air kerana pemetung,
Bulat manusia kerana muafakat.**

Tanam lengkuas di celah batu,
Disulam bersama serumpun serai;
Mana yang susah sama dibantu,
Mana yang kusut senang dileraikan.

Emas permata sudah disukai,
Lalu dihantar ke Langkapura;
Andai kita semua muafakat,
Negara aman masyarakat sejahtera.

Tuai padi di laman sendiri,
Buat santapan anak dan isteri;
Jika hidup saling memahami,
Berkat sepatkat kekal abadi.

Melati tubuh di taman larangan,
Berbau harum dipetik permaisuri;
Berbeza rupa bukan halangan,
Membina negara aman harmoni.



KORIDOR PERIBAHASA

**Bulat air kerana pemetung,
Bulat manusia kerana muafakat**

– kata sepatkat tercapai dengan mesyuarat atau perbincangan



>> Pendidikan Sivik : Nilai Bertanggungjawab


- Murid-murid membincangkan kepentingan mengamalkan amalan hidup berjiran.
- Murid-murid mengekspresikan perasaan gembira kerana memiliki kehidupan yang aman dan harmoni.

CETUS IDEA



Tulis karangan tentang cara-cara mengelakkan kemalangan jalan raya berdasarkan maklumat yang diberikan di bawah ini. **SP**

3.2.1



Sejak kebelakangan ini, kemalangan jalan raya sering berlaku melibatkan kenderaan dan pejalan kaki. Kemalangan jalan raya dapat menyebabkan kecederaan, kerosakan harta benda, dan kematian. Oleh itu, pelbagai langkah perlu dilakukan bagi mengelakkan tragedi kemalangan jalan raya.

Antara langkah mengelakkan kemalangan jalan raya termasuklah memandu dengan cermatnya serta mematuhi papan tanda dan lampu isyarat yang terdapat di jalan raya. Contohnya, pemandu hendaklah berhenti apabila lampu isyarat berwarna merah dan memandu dengan perlahan di hadapan kawasan sekolah. Tegasnya, sikap pemandu yang memandang remeh lampu isyarat dan papan tanda akan mengundang tragedi yang tidak dapat diduga. Dalam pada itu, para pemandu juga tidak boleh memotong di kawasan selekoh.

Penunggang dan pembonceng motosikal perlulah memakai topi keledar bagi melindungi kepala mereka daripada terhentak semasa terjatuh di atas jalan raya. Pemandu juga perlu mengelakkan diri daripada memandu kenderaan dalam keadaan mabuk atau keletihan. Sekiranya hal ini dilakukan, maka, tindakan tegas perlu dikenakan kepada mereka kerana perbuatan itu dapat membahayakan pengguna jalan raya yang lain. Tegasnya, pemandu yang keletihan akibat memandu dalam perjalanan yang jauh perlulah mendapatkan rehat yang secukupnya sebelum meneruskan pemanduan.

Selain itu, penggunaan telefon bimbit semasa memandu juga dapat mengganggu tumpuan dan perhatian pemandu. Para pemandu yang melanggar peraturan ini hendaklah dikenakan tindakan denda dan saman kerana sikap degil dan cuai mereka akan mengundang padah kepada pengguna jalan raya yang lain. Bagi pejalan kaki pula, mereka hendaklah melintas jalan di kawasan lintasan zebra atau menggunakan jejantas yang telah disediakan.

Kesimpulannya, setiap orang bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan diri dan orang lain semasa berada di jalan raya. Peribahasa malang tidak berbau sering digunakan bagi mengingatkan orang ramai supaya sentiasa berhati-hati semasa berada di jalan raya.

UNIT 3

Sayangi Nyawa Anda

Buku Teks: m.s. 14 – 18



KEMAHIRAN MEMBACA

TP

Baca perbualan di bawah ini. Kemudian, berikan makna perkataan yang berhuruf tebal dengan merujuk kamus. **SP**

2.2.1

- Aini: Selamat pagi, doktor. Terima kasih kerana **sudi** menghadiri sesi temu bual pada hari ini.
- Dr. Rafie: Selamat pagi. Sama-sama. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana mengundang saya.
- Aini: Hari ini kita akan membahaskan **tabiat** sesetengah ibu bapa yang suka membiarkan anak-anak mereka bermain telefon bimbit. Mereka beranggapan bahawa anak-anak mereka akan diam dan tidak nakal apabila dibenarkan bermain telefon bimbit. Pada pandangan doktor, adakah tindakan tersebut betul dan memberikan kebaikan kepada anak mereka?
- Dr. Rafie: Tindakan itu salah kerana penggunaan telefon bimbit akan memberikan kesan buruk kepada kesihatan terutamanya kepada anak-anak kecil jika digunakan dalam jangka masa yang lama. Pada usia sebegini, mereka tidak sepatutnya didedahkan dengan alat telekomunikasi.
- Aini: Apakah kesan negatif sekiranya kanak-kanak menggunakan telefon bimbit?
- Dr. Rafie: Pertama, penggunaan telefon bimbit dapat menyebabkan berlakunya gangguan **kognitif**. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan telefon bimbit yang kerap dapat memberikan kesan negatif pada fungsi otak kanak-kanak. Kedua, penggunaan telefon bimbit dalam jangka masa panjang dapat menjejaskan penglihatan mereka. Penglihatan mereka akan menjadi kabur atau buta disebabkan oleh **keradangan** pada saraf optik. Seterusnya, postur badan kanak-kanak akan terjejas akibat kedudukan badan mereka yang tidak seimbang. Keadaan ini berlaku kerana mereka sering membongkok atau tunduk dalam masa yang lama ketika bermain telefon bimbit. Seterusnya, keadaan saraf dan tulang mereka juga akan terjejas dan memberikan kesan jangka masa panjang. Dari segi sosial pula, kanak-kanak akan bersifat pasif dan tidak aktif serta malas melakukan aktiviti **psikomotor** sehingga dapat mengundang risiko obesiti. Ketagihan bermain telefon bimbit juga menyebabkan hubungan dengan ibu bapa dan ahli keluarga menjadi tidak rapat.
- Aini: Apakah nasihat doktor kepada ibu bapa yang masih membiarkan anak-anak mereka bermain telefon bimbit atau alat telekomunikasi yang lain?
- Dr. Rafie: Jangan berikan telefon bimbit atau sebarang peranti **elektronik** kepada anak-anak yang masih kecil kerana pandangan bahawa mereka akan diam dan tidak nakal ketika bermain alat tersebut adalah salah. Ibu bapa seharusnya membiasakan anak-anak mereka dengan aktiviti-aktiviti fizikal agar **tumbesaran** mereka tidak terjejas, dapat membesar dengan baiknya, dan mempunyai minda yang sihat.
- Aini: Terima kasih, doktor kerana sudi berkongsi maklumat yang bermanfaat ini.
- Dr. Rafie: Sama-sama.

Perkataan	Makna
1. sudi	tidak keberatan
2. tabiat	perbuatan yang selalu dilakukan
3. kognitif	berkaitan pemikiran
4. keradangan	kemarahan
5. psikomotor	pergerakan fizikal tubuh
6. obesiti	kegemukan disebabkan oleh lemak yang lebih
7. elektronik	alat yang dibina dengan teknologi elektron
8. tumbesaran	proses membesar



Lihat borang di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan borang tersebut dengan maklumat yang sesuai. **SP**

3.3.1

BORANG MAKLUMAT MURID SISTEM PENGURUSAN SMK PERDA INDAH 2025

Maklumat Murid

Nama: _____ Jantina: Perempuan Lelaki

Tarikh Lahir: _____ Agama: _____

No. Kad Pengenalan: _____ Bangsa: _____

No. Sijil Kelahiran: _____ Kewarganegaraan: _____

Tarikh Masuk Sekolah: _____

Bilangan Adik-beradik: _____

Alamat Rumah: _____

Maklumat Ibu Bapa/ Penjaga

Nama Bapa: _____

No. Kad Pengenalan: _____ No. Telefon: _____

Agama: _____ Bilangan Tanggungan: _____

Bangsa: _____

Kewarganegaraan: _____

Pekerjaan: _____

Pendapatan Bulanan: _____

Maklumat Ibu Bapa/ Penjaga Kedua

Nama Penuh Ibu: _____

No. Kad Pengenalan: _____ No. Telefon: _____

Agama: _____ Bilangan Tanggungan: _____

Bangsa: _____

Kewarganegaraan: _____

Pekerjaan: _____

Pendapatan Bulanan: _____

UNIT 4

Keselamatan di Mana-mana

Buku Teks: m.s. 19 – 23



KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

TP

Baca dan dengar petikan berita dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya. **SP**

1.3.1

TRACK 2



Panduan Keselamatan Ketika Banjir

1. Pastikan semua suis elektrik, paip air, dan gas ditutup.
2. Jangan meredah banjir tanpa pengawasan daripada pihak bomba.
3. Sentiasa mengawasi kanak-kanak dan jangan biarkan mereka bermain air banjir.
4. Segera berpindah ke tempat pemindahan yang dihaskan apabila diarahkan oleh pihak bomba.
5. Bawa semua dokumen penting ketika berpindah ke tempat pemindahan.
6. Elakkan daripada menyentuh kabel-kabel elektrik yang ditenggelami air.
7. Jangan gunakan air banjir sebagai air minuman atau air untuk membersihkan diri.

AMALKAN SIKAP BERHATI-HATI KETIKA MENGHADAPI BANJIR

Kita dinasihatkan agar tidak bermain air banjir bagi mengelakkan penyakit berbahaya seperti cirit-birit, penyakit kulit, taun, dan muntah.

Mengapakah kita dinasihatkan agar tidak bermain air banjir?

Apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh orang ramai sebagai persiapan untuk menghadapi banjir?

Langkah-langkah untuk menghadapi banjir adalah dengan menyimpan dokumen-dokumen penting dan barang berharga di tempat yang tinggi. Individu yang tinggal di kawasan berisiko banjir hendaklah sentiasa mendapatkan maklumat semasa daripada radio atau pihak berkuasa.

Adakah kejadian banjir ini dapat diatasi pada masa akan datang?

Kejadian banjir ini dapat diatasi sekiranya pihak berkuasa mengawal aktiviti pembalakan dan pembangunan yang semakin giat dijalankan di kawasan hutan. Selain itu, tindakan menyelenggara dan memperdalam sistem perparitan dapat mengelakkan air sungai daripada melimpah ke kawasan perumahan.



CETUS IDEA





Tulis kerangka penulisan yang lengkap berdasarkan tajuk "Langkah-langkah Mengelakkan Kemalangan di Sekolah". **SP**

3.4.1

Pendahuluan:

kemalangan di sekolah bermaksud sesuatu tragedi yang tidak dijangka berlaku di sekolah – mengakibatkan kecederaan ringan atau parah – kematian – berlaku di dalam bilik darjah, makmal, padang sekolah, kantin, dan pusat sumber – malang tidak berbau – pelbagai langkah dilakukan bagi mengelak kemalangan tersebut

Isi-isi Penting:

- (a) sentiasa berhati-hati semasa berada di sekolah – tidak berlari bagi mengelakkan terjatuh akibat licin – tidak bergurau senda dengan rakan-rakan di koridor sekolah atau di tangga – berwaspada semasa menunggang basikal ke sekolah
- (b) patuhi arahan papan tanda di sekolah – tidak bermain di padang sekolah tanpa pengawasan daripada guru bertugas – tidak menggunakan peralatan makmal sains dan makmal komputer tanpa arahan guru – bahan kimia dan aliran elektrik berbahaya
- (c) prasarana sekolah diselenggarakan dari semasa ke semasa – berfungsi dengan baiknya – dapat digunakan semasa kecemasan – paip bomba – penutup longkang – alat pemadam api – pastikan setiap prasarana selamat digunakan
- (d) pihak sekolah perlu peka akan keselamatan murid – sentiasa menasihati dan mengingatkan mereka agar mengutamakan keselamatan diri – tempat-tempat berbahaya dijadikan kawasan larangan kepada murid – tindakan disiplin dikenakan terhadap murid yang melanggar peraturan sekolah

Penutup:

setiap individu berperanan untuk memastikan keselamatan diri di sekolah – tragedi kematian murid akibat dihempap tiang gol masih dalam ingatan – bertindak awal sebelum terjadi sesuatu tragedi – sudah terhantuk baru tengadah – sesal dahulu berpendapatan, sesal kemudian tiada berguna – sekolah selamat murid sejahtera



AKTIVITI PAK-21 ▶ PETA PEMIKIRAN

1. Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan perlu menyediakan peta pemikiran yang mengandungi maklumat tentang punca-punca kemalangan di sekolah.
3. Hasil dapatan murid akan ditampal di hadapan kelas.



A Bulatkan satu **kata kerja** yang terdapat dalam ayat-ayat yang diberikan.

1. Jamal menuntun motosikal itu kerana tayarnya pancit.
2. Encik Badrul dan anak-anaknya sedang menyaksikan sambutan Hari Kemerdekaan yang diadakan di Dataran Putrajaya.
3. Puan Maznah melayur daun pisang itu untuk membungkus lepat pisang.
4. Ayah telah berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Kampung Melayu selama 30 tahun.
5. Amin tersipu malu apabila dipuji oleh rakan-rakannya.

B Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. _____ cara untuk menghasilkan tikar anyaman itu?
 A Bagaimanakah
 B Apakah
 C Bilakah
 D Mengapakah
2. Majlis sambutan Hari Guru akan diadakan _____?
 A mana
 B apa
 C kenapa
 D bila
3. _____ yang akan merasmikan pembukaan klinik baharu awak nanti?
 A Bilakah
 B Mengapakah
 C Siapakah
 D Adakah
4. Budak itu datang ke sini dengan _____?
 A siapa
 B kenapa
 C bila
 D mengapa
5. _____ kamu tidak memaklumkan kepada saya tentang kes kecurian yang berlaku itu?
 A Bilakah
 B Apakah
 C Mengapakah
 D Siapakah

MODUL UASA

SISTEM BAHASA

79 – 92

PEMAHAMAN

93 – 110

BAHAGIAN A

⚡ Pemahaman Petikan

BAHAGIAN B

⚡ Pemahaman Petikan

⚡ Novel

PEMINDAHAN MAKLUMAT

111 – 117

BAHAGIAN C

⚡ Ringkasan

KARANGAN

118 – 134

BAHAGIAN A

⚡ Karangan Respons Terhad

BAHAGIAN B

⚡ Karangan Respons Terbuka

Latihan
ke Arah
Kecemerlangan





SISTEM BAHASA

NOTA EKPRES

Sistem Bahasa

1. Dalam Ujian Akhir Sesi Akademik, soalan Sistem Bahasa terdapat dalam Soalan Kertas 1 (02/1), Ujian Bertulis (Pemahaman), Bahagian A dan Bahagian B.
2. Dalam **Bahagian A**, sebanyak **10 soalan** diberikan. Semua soalan tersebut berbentuk objektif aneka pilihan (OAP).
3. Dalam **Bahagian B**, sebanyak **4 soalan** diberikan. Semua soalan tersebut berbentuk objektif pelbagai bentuk (OPB).
4. Antara soalan yang dikemukakan dalam kedua-dua bahagian ialah aspek morfologi, frasa, sintaksis, dan peribahasa.

PRAKTIS 1 Kata Ganti Nama Diri

NOTA EKPRES

VIDEO



Kata Ganti Nama Diri

Kata Ganti Nama Diri

Kata ganti nama diri ialah perkataan yang digunakan untuk menggantikan nama orang. Kata ganti nama diri terbahagi kepada:

- (a) **Kata ganti diri pertama**, iaitu untuk menggantikan nama orang yang bercakap – *saya, aku, beta, patik, hamba*
- (b) **Kata ganti diri kedua**, iaitu untuk menggantikan nama orang yang diajak bercakap – *awak, kamu, anda, engkau, kalian*
- (c) **Kata ganti diri ketiga**, iaitu untuk menggantikan nama orang yang dibualkan – *dia, ia, beliau, baginda*
- (d) **Kata ganti diri singkat**, iaitu untuk kata ganti nama diri yang disingkatkan – *kau, mu, ku, nya*



>> Kesalahan Lazim

Penggunaan kata **ianya**. **ianya** tidak wujud dalam bahasa Melayu baku. Contoh:

- Lukisan itu cantik kerana **ianya** dilukis oleh pelukis yang terkenal.
- Lukisan itu cantik kerana dilukis oleh pelukis yang terkenal.

BAHAGIAN A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Aina dan ibu pergi ke kedai buku. _____ ingin membeli buku rujukan dan buku cerita untuk dihadiahkan kepada adik.

A Kami	C Mereka
B Kita	D Aku
2. Pengetua sekolah sedang berucap. _____ menasihati murid-muridnya agar mematuhi peraturan sekolah dan sentiasa meningkatkan prestasi pelajaran mereka.

A Beliau	C Anda
B Engkau	D Dia
3. "Mengapakah _____ tidak mengikuti program Jom Sihat yang dianjurkan oleh pihak sekolah?" soal Cikgu Rosli kepada murid-muridnya.

A awak	C saya
B mereka	D kalian
4. Suspek kes pembunuhan pelajar universiti yang berlaku beberapa tahun lepas telah dijatuhi hukuman gantung setelah _____ didapati bersalah oleh pihak mahkamah.

A dia	C kami
B beliau	D mereka

BAHAGIAN B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan**. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. "Mereka hendaklah mengelakkan diri daripada bermain air banjir ketika rumah dinaiki air," nasihat anggota penyelamat kepada semua penduduk Kampung Sentosa.
Mereka – Kita
2. Encik Fuad disukai oleh rakan sekerjanya kerana dia peramah dan ringan tulang.
dia – beliau
3. Keberangkatan Tengku Ampuan Pahang ke Sabah disenangi oleh penduduk Sabah kerana dia sangat berjiwa rakyat dan sering mendengar masalah rakyat di kawasan pedalaman itu.
dia – baginda



PEMAHAMAN

NOTA EKPRES

Pemahaman

1. Dalam **Bahagian A**, terdapat soalan pemahaman petikan, iaitu **satu petikan** berserta **5 soalan** objektif aneka pilihan (OAP) diberikan. Murid perlu membaca petikan dengan telitinya, kemudian menjawab soalan-soalan yang berikutnya.
2. Dalam **Bahagian B**, terdapat soalan pemahaman petikan dan novel. Semua soalan berbentuk subjektif respons terhad.
3. Bagi soalan pemahaman petikan, dua atau tiga bahan berserta **3 soalan** diberikan.
4. Bagi soalan novel pula, **1 soalan** diberikan. Semua soalan berbentuk subjektif respons terhad.

BAHAGIAN A

Pemahaman Petikan

PRAKTIS 1 Prosa Tradisional – Asal Padi

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Sejak berada kembali di kampung halaman orang kayangan itu, anak yatim piatu itu tidak diperkenankan lagi melakukan pekerjaan lain selain menjaga dan mengawasi padi yang sedang dijemur.

Tidak berapa lama kemudian, luka pada tumit anak yatim itu pun sembuhlah. Ia pun berfikir, "Jikalau saya kembali ke bumi dengan diam-diam tanpa diketahui oleh yang empunya padi ini, nescaya orang kayangan itu akan mengejar dan menangkap saya lagi." Kemudian anak yatim piatu itu berkata lagi kepada dirinya sendiri, "Biarlah kucari akal yang sebaik-baiknya untuk membawa padi itu ke bumi. Saya akan menyembunyikan beberapa butir padi di dalam lubang yang ada pada lukaku. Kemudian saya akan minta diri dengan baik-baik. Cara ini lebih baik dan tidak akan menimbulkan curiga kepada orang kayangan itu."

Maka diambilnya padi yang dijemur itu segenggam, lalu disembunyikan butir-butir padi itu di dalam lubang-lubang luka pada tumitnya itu. Setelah itu ia pun meminta izin dengan baik-baik untuk pulang ke kampungnya, ke bumi tempat saudaranya yang tetap menantikannya.

Maka berkatalah induk semangnya, orang kayangan yang masih mencurigainya itu, "Baiklah, jikalau kamu ingin pulang ke kampung kamu, akan tetapi, sebelumnya itu, saya akan memeriksa dan menggeledah kamu lebih dahulu. Barangkali ada padi yang disembunyikan untuk kamu bawa pulang sebagai ole-ole ke bumi."

Anak yatim itu pun menjawab dengan tenangnya, "Silakan! Periksalah dengan teliti kalau-kalau ada apa-apa yang saya bawa. Sekarang saya sudah betul-betul jera mengambil apa-apa. Saya sungguh-sungguh sudah bertaubat dan tidak mahu lagi melakukannya."

(Dipetik daripada prosa tradisional "Asal Padi", antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1. Yang berikut merupakan perwatakan anak yatim piatu, **kecuali**
A rajin.
B berani.
C jujur.
D bijak.
2. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan prosa di atas?
A Dia tidak diperiksa oleh orang kayangan ketika meminta izin untuk pulang ke rumahnya.
B Anak yatim itu tidak berani lagi untuk mencuri padi di atas kayangan kerana sudah bertaubat.
3. Apakah latar tempat yang terdapat dalam prosa tradisional di atas?
A Di tepi sungai.
B Di rumah anak yatim piatu.
C Di kawasan menjemur padi di bumi.
D Di kayangan.

VIDEO



Asal Padi

4. Apakah pekerjaan yang dilakukan oleh anak yatim itu ketika dia tinggal di kampung halaman orang kayangan itu?
- A Menanam padi
 - B Menjaga padi
 - C Mengawasi padi yang dijemur
 - D Menjaga sawah padi dan menjemur padi

5. Anak yatim itu berusaha mencari akal untuk membawa padi yang dijemur itu pulang ke kampungnya yang terletak di bumi.

Peribahasa yang paling sesuai untuk menggambarkan situasi di atas ialah

- A di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
- B belut pulang ke lumpur, ikan pulang ke lubuk.
- C bagai hujan jatuh ke pasir.
- D bagai berumah di tepi pantai.

PRAKTIS 2 Cerpen – Oren

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Sekarang, dia hanya menunggu kepulangan Oren. Dia ingin **mengotakan** janjinya kepada dirinya dahulu sewaktu membawa Oren pulang. Dahulu, dia berjanji untuk memelihara Oren seperti anaknya sendiri. Janjinya itu adalah untuk **menebus** kesalahan dirinya yang mengakibatkan Oren kehilangan ibunya. Segala **egonya** dahulu yang tidak membenarkan anak-anaknya memelihara kucing telah dipadamkan. Sebaliknya, dia yang membawa Oren pulang ke rumah.

Tetapi dia tidak menyangka bahawa selepas kehadiran Oren dia akan membawa pulang Kelabu sebagai sebahagian daripada ahli keluarganya. Kelabu ditemukan sewaktu anak kucing jantan itu mengekorinya yang sedang menuju ke kereta dan hendak pulang ke rumah. Dia **memungut** Kelabu untuk menjadi teman Oren bermain.

Pada mulanya dia menyamaratakan kasih sayangnya kepada kedua-duanya. Setelah dia melihat Kelabu menunjukkan **reaksi** yang lebih manja daripada Oren dan sering menarik perhatian, mereka sekeluarga lebih suka akan Kelabu. Oren yang lebih suka menyendiri dan pendiam semakin tersisih.

Hari terus berlalu. Kelabu terus menjadi perhatiannya kerana pada setiap kali dia pulang ke rumah, Kelabulah yang selalu menyambutnya sedangkan Oren hanya mengangkat kepala apabila melihatnya dan melihat tingkah laku Kelabu.

(Dipetik daripada "Oren", antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

GLOSARI

- **mengotakan** – memenuhi; menepati
- **menebus** – menghapuskan sesuatu kesalahan
- **ego** – persepsi seseorang tentang harga dirinya
- **memungut** – mengambil
- **reaksi** – gerakan; tindakan

1. Bagaimanakah ayah menemukan Kelabu?
- A Kelabu mengekori ayah ketika ayah hendak ke kereta.
 - B Ayah menemukan Kelabu di celah pokok tua yang tumbang.
 - C Ayah menyelamatkan Kelabu daripada diserang oleh anjing liar.
 - D Ayah membawa Kelabu pulang ke rumah kerana ayah terlanggar ibu Kelabu.
2. Mengapakah Oren semakin tersisih?
- A Oren selalu dibuli oleh Kelabu.
 - B Oren semakin tersisih sejak kematian ibunya.
 - C Reaksi Kelabu yang manja menyebabkan semua menyisihkan Oren.
 - D Ayah tidak menyukai Oren kerana sering tidur ketika ayah pulang dari kerja.

3. Yang berikut ialah perwatakan ayah seperti yang terdapat dalam cerpen, **kecuali**
- A seorang yang mudah tersentuh hati.
 - B seorang yang berpegang kepada janji.
 - C seorang yang mempunyai sifat belas kasihan.
 - D seorang yang tidak suka akan haiwan peliharaan.

4. Kelabulah yang selalu menyambutnya sedangkan Oren hanya mengangkat kepala apabila melihatnya dan melihat tingkah laku Kelabu.

Teknik plot yang terdapat dalam baris di atas ialah

- A saspens.
- B pemerian.
- C imbas kembali.
- D monolog dalaman.

PRAKTIS 11 Sajak – Kunci Bahasa

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Bahasa bermaruah tidak **berbilur** bahasa di lidah.

Bahasa berbuah tidak kering bahasa diperah.

Bahasa bersejarah tidak luput bahasa **bertingkah**.

Bahasa **berwasilah** tidak putus jambatan **ukhuwah**.

Bahasa berbudi sudah tidak lokek pada **ummah**.

Bahasa begitu indah tidak habis berbahasa **bermadah**.

GLOSARI

- **berbilur** – luka pada kulit akibat dipukul
- **bertingkah** – bersahut-sahutan
- **wasilah** – perhubungan; pertalian
- **ukhuwah** – tali persaudaraan
- **ummah** – umat manusia
- **bermadah** – kata-kata yang digunakan untuk memuji-muji

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Dewan Bahasa dan Pustaka)

1. Rangkap keempat sajak ini bermaksud
 - A bahasa digunakan oleh manusia dalam urusan seharian.
 - B bahasa digunakan dalam perbincangan secara berkesan.
 - C bahasa bermaruah dituturkan oleh seseorang dengan penuh kesantunan.
 - D** penggunaan bahasa yang bersusila menjadi pengikat hubungan sesama insan.
2. Yang berikut ialah fungsi bahasa berdasarkan sajak di atas, **kecuali**
 - A bahasa sebagai alat komunikasi.
 - B** bahasa digunakan untuk mengajar sejarah.
 - C bahasa digunakan untuk mengeratkan persahabatan.
 - D bahasa digunakan untuk membincangkan sesuatu isu.

3.

Bahasa bermaruah tidak berbilur bahasa di lidah.

- Nilai yang terdapat dalam rangkap sajak ini ialah
- A keadilan.
 - B** kesopanan.
 - C bekerjasama.
 - D bertanggungjawab.

4.

Tidak putus jambatan ukhuwah

Unsur bunyi yang terdapat dalam baris sajak di atas ialah

- A repetisi.
- B** anafora.
- C aliterasi.
- D asonansi.

5. Nada yang terkandung dalam sajak ini ialah

- A sinis.
- B** patriotik.
- C romantik.
- D melankolik.

BAHAGIAN B

Pemahaman Petikan

PRAKTIS 1

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Perubatan tradisional telah sebatu dalam kalangan generasi lama kerana semenjak kecil mereka telah diyakinkan oleh keberkesanan perubatan tradisional ini. Perubatan tradisional juga dipercayai dapat menyembuhkan sesetengah penyakit yang tidak dapat dirawat melalui perubatan moden seperti penyakit santau, sihir, dan buatan orang. Kaedah perubatan tradisional yang paling mendapat perhatian masyarakat ialah urutan untuk menghilangkan sengal-sengal badan.

Kos perubatan yang murah juga merupakan faktor utama perubatan tradisional masih diamalkan sehingga hari ini. Pengamal perubatan tradisional tidak menetapkan jumlah bayaran sebaliknya upah yang diterima dalam bentuk sedekah atau derma.

Di samping itu, bagi kawasan yang tidak mempunyai kemudahan hospital atau klinik seperti di kawasan pedalaman, kaedah perubatan secara tradisional menjadi pilihan. Kesuntukan masa untuk pergi ke hospital atau klinik yang jauh di bandar memberikan pilihan kepada penduduk kampung untuk merujuk pengamal perubatan tradisional tentang penyakit yang dideritai oleh mereka.

Bahan 2

Aku percaya, pasti banyak lagi petua yang belum aku dengar dan yang belum datuk beritahu, sebab ada banyak tanaman lain di belakang dan di halaman rumah datuk serta di kebun buah-buahnya.

“Jika hal ini tak benar, mengapa ada pesakit yang dirawat di hospital mencari ubat-ubatan tradisional?” tanya datuk.

“Kali terakhir abang haji kata begitu, seorang pesakit telah lari daripada rawatan hospital,” ujar nenek dengan nada suaranya yang rendah. “Itu kan tak bagus.”

“Itu sangat bagus, sekurang-kurangnya amalan perubatan tradisional tak akan lupus di muka bumi ini, dan kita berpeluang membantu orang lain untuk sembuh. Kalau mereka ke hospital, kos rawatannya dah tentu mahal.”

(Dipetik daripada novel *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.)

1. Berdasarkan Bahan 1, nyatakan penyakit yang tidak dapat dirawat dengan menggunakan kaedah perubatan moden.

Berdasarkan Bahan 1, antara penyakit yang tidak dapat dirawat melalui perubatan moden adalah seperti penyakit santau, sihir, dan penyakit buatan orang.

2. Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, mengapakah datuk menggalakkan rawatan tradisional berbanding dengan rawatan moden?

Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, datuk menggalakkan rawatan tradisional berbanding dengan rawatan moden kerana penduduk kampung boleh mendapatkan rawatan lebih cepat berbanding dengan pergi ke hospital yang terletak jauh di bandar. Selain itu, datuk tidak mahu perubatan tradisional semakin lupus di muka bumi dan kos rawatan tradisional lebih murah berbanding dengan rawatan moden.

3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk menggalakkan masyarakat memilih rawatan tradisional berbanding dengan rawatan moden? **KBAT**

Pada pendapat saya, langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk menggalakkan masyarakat memilih rawatan tradisional berbanding dengan rawatan moden ialah media massa perlu menyampaikan maklumat berkaitan dengan kebaikan penggunaan ubat-ubat tradisional dengan tepatnya agar masyarakat lebih yakin untuk menggunakannya. Selain itu, pihak kesihatan perlu mengiktiraf ubat-ubat tradisional dan menjual di farmasi atau hospital supaya mudah dibeli oleh masyarakat.

TUTORIAL



Pemahaman
Petikan



PEMINDAHAN MAKLUMAT

NOTA EKPRES

Pemindahan Maklumat

1. Dalam Ujian Akhir Sesi Akademik, soalan Pemindahan Maklumat terdapat dalam Soalan Kertas 1 (02/1), Ujian Bertulis (Pemahaman) dan merupakan soalan subjektif respons terhad.
2. Dalam bahagian ini, satu petikan umum yang panjangnya kira-kira 250 hingga 300 patah perkataan diberikan.
3. Murid dikehendaki supaya menulis ringkasan yang panjangnya tidak melebihi 100 patah perkataan.
4. Markah yang diperuntukkan bagi bahagian ini ialah 15 markah.
5. Murid wajib menjawab soalan tersebut.

BAHAGIAN C

Ringkasan

TUTORIAL



Pengiraan Bilangan Perkataan

NOTA EKPRES

Panduan Menulis Ringkasan

1. Memahami petikan dan kehendak soalan
 - (a) Baca keseluruhan petikan dan fahami kehendak soalan.
 - (b) Cari kata kunci yang dinyatakan dalam arahan soalan.
Contoh: Tulis sebuah ringkasan tentang syarat-syarat menjadi pemandu pelancong.
2. Menulis ringkasan
 - (a) Gariskan isi-isi penting dalam petikan.
 - (b) Tulis setiap ayat dalam satu perenggan sahaja.
3. Menyemak ringkasan
 - (a) Semak ringkasan secara keseluruhan setelah selesai menulis.
 - (b) Buat pembedulan kesalahan ejaan, tatabahasa, dan tanda baca.
 - (c) Pastikan panjang ringkasan anda tidak melebihi 100 patah perkataan.

MODEL RINGKASAN

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **syarat-syarat menjadi pemandu pelancong**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Kerjaya sebagai pemandu pelancong di negara ini mempunyai masa depan yang cerah. Khidmat pemandu pelancong sangat penting dalam industri pelancongan kerana mereka memainkan peranan untuk mempromosikan negara kepada dunia luar.

Peluang untuk menjadi pemandu pelancong terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berdisiplin, bijak, peramah, lancar berkomunikasi, dan mempunyai minat yang mendalam dalam bidang pelancongan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana bidang ini sangat mencabar. Mereka juga diwajibkan untuk mengikuti kursus pelancongan di pusat pengajian tinggi awam atau pusat pengajian tinggi swasta di bawah seliaan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan lulus kertas peperiksaan bagi kursus tersebut dengan agregat yang ditetapkan.

Selain itu, calon mestilah berusia 18 tahun ke atas, sihat tubuh badan, dan tidak mempunyai rekod jenayah. Kebolehan menguasai lebih daripada satu bahasa menjadi kelebihan kepada calon yang berminat untuk menceburi bidang ini. Calon juga digalakkan untuk mempelajari sejarah penubuhan sesebuah tempat supaya dapat menerangkan fakta-fakta penting yang berkaitan dengan tempat tersebut secara tepat dan jelas kepada para pelancong. Setelah itu, calon diwajibkan untuk memohon lesen Pemandu Pelancong Malaysia daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Maklumat tentang kerjaya pemandu pelancong boleh diperolehi melalui Internet dan iklan dalam akhbar. Kerjaya ini juga menawarkan pelbagai ganjaran yang menarik.

MODEL RINGKASAN LENGKAP

Syarat-syarat untuk menjadi pemandu pelancong ialah warganegara Malaysia, berdisiplin, bijak, peramah, dan mempunyai minat yang mendalam dalam bidang ini. Calon mesti mengikuti kursus pelancongan di pusat pengajian tinggi awam atau pusat pengajian tinggi swasta serta lulus dengan agregat yang telah ditetapkan. Selain itu, calon mesti berusia 18 tahun ke atas, sihat tubuh badan, dan tidak mempunyai rekod jenayah. Calon yang menguasai lebih daripada satu bahasa diberikan keutamaan. Calon juga digalakkan agar mempelajari sejarah sesebuah tempat dan memohon lesen Pemandu Pelancong Malaysia daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

PRAKTIS 1

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **cara-cara menangani masalah pencemaran alam**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Masalah pencemaran alam semakin hari semakin tidak dapat diselesaikan. Jumlah kes pencemaran yang kian meningkat membuktikan bahawa masyarakat masih tidak prihatin akan pencemaran yang berlaku di sekitar mereka. Alam sekitar seperti sungai dan laut terus tercemar dan hal ini menyebabkan hidupan laut mati.

Perubahan cuaca yang tidak menentu seperti hujan dan kepanasan yang melampau merupakan **fenomena** yang muncul akibat daripada pencemaran alam. Perindustrian menjadi penyumbang utama pencemaran alam. Maka, satu strategi baharu perlu dirancang agar penempatan kawasan perkilangan menjadi lebih teratur dan tidak menjejaskan alam sekitar. Kilang-kilang yang baru dibina hendaklah jauh dari kawasan perumahan. Selain itu, kemahiran merawat sisa-sisa **toksik** dengan kaedah sains dan teknologi dapat menyelamatkan alam daripada terus tercemar.

Undang-undang yang sedia ada perlu dikaji dan dipinda agar sesuai dengan perubahan dan kehendak semasa. Mereka yang memandang ringan terhadap undang-undang alam sekitar tidak akan terlepas daripada hukuman. Di samping itu, kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga alam sekitar daripada pencemaran amat penting. Pembakaran terbuka hendaklah dielakkan selain mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor. Masyarakat digalakkan agar menggunakan pengangkutan awam dan mengubah sikap dengan tidak membuang sampah di merata-rata tempat, serta menyedarkan rakan-rakan tentang kepentingan menjaga kebersihan. Kempen kitar semula dilihat sebagai satu **agenda** yang mampu mengurangkan pelupusan sampah yang selama ini membebankan pihak berkuasa dalam proses menguruskannya.

Masyarakat juga boleh bertindak dengan membuat aduan tentang kejadian pencemaran alam kerana pencemaran memberikan kesan yang ketara terhadap kehidupan harian. Jerebu yang melanda negara baru-baru ini sedikit sebanyak menjejaskan ekonomi negara dari segi pendapatan yang diperoleh daripada pelancong asing. Masyarakat mempunyai tanggungjawab menjaga alam sekitar daripada tercemar. Alam sekitar yang bebas daripada sebarang pencemaran akan memberikan kehidupan yang selesa dan harmonis.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana dalam *Berita Harian*)

GLOSARI

- **fenomena** – sesuatu kenyataan atau kejadian yang dapat diperhatikan
- **toksik** – beracun
- **agenda** – susunan perkara yang dikemukakan untuk dibincangkan

Banyak cara yang boleh diambil untuk menangani pencemaran alam sekitar. Antaranya, termasuklah menempatkan kawasan perkilangan dengan lebih teratur. Selain itu, kilang-kilang yang dibuka hendaklah jauh dari kawasan perumahan. Seterusnya, kemahiran merawat sisa-sisa toksik dengan kaedah sains dan teknologi amat diperlukan. Undang-undang yang sedia ada juga perlu dikaji dan dipinda agar sesuai dengan perubahan dan kehendak semasa. Selain itu, kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga alam sekitar perlu dipupuk bagi memastikan alam sekitar kekal terpelihara. Akhir sekali, orang ramai perlu mengelakkan aktiviti pembakaran sampah secara terbuka.



KARANGAN

BAHAGIAN A

Karangan Respons Terhadap

NOTA EKSPRES

1. Soalan karangan respons terhadap dikemukakan dalam pelbagai bentuk seperti rangkai kata yang mengandungi frasa idea, iklan, poster, gambar yang mengandungi frasa idea, dan sebagainya.
2. Sebanyak 10 markah diperuntukkan untuk bahagian karangan respons terhadap ini. Hanya satu soalan dikemukakan dan wajib dijawab oleh murid.
3. Panjang karangan respons terhadap ini adalah antara 50 hingga 80 patah perkataan.
4. Murid dicadangkan supaya menulis karangan ini dalam masa 15 minit sahaja.
5. Murid dikehendaki untuk memahami maklumat dan menulis karangan berdasarkan maklumat yang diberikan.
6. Baca kata kunci soalan agar murid memahami kehendak soalan.
7. Murid harus menulis frasa idea yang diberikan dengan mengembangkannya dalam bentuk perenggan.
8. Pendahuluan harus ditulis dalam ayat yang ringkas dan padat serta terdiri kira-kira 10 hingga 15 patah perkataan.
9. Isi-isi yang dikemukakan hendaklah ada gabung jalin dengan penggunaan penanda wacana, jelas, menarik, dan matang.
10. Murid hendaklah menulis penutup atau kesimpulan yang menggambarkan idea keseluruhan.

MODEL KARANGAN RESPONS TERHAD

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Kitaran Hidup Rama-rama

seekor rama-rama dewasa bertelur pada sehelai daun – telur bertukar menjadi beluncas – beluncas menjadi kepompong – kepompong bertukar menjadi seekor rama-rama yang cantik

MODEL KARANGAN RESPONS TERHAD LENGKAP

Rama-rama ialah sejenis serangga yang unik dan cantik kerana memiliki sayap yang berwarna-warni. Kitaran hidup rama-rama bermula apabila seekor rama-rama dewasa bertelur di atas daun atau di ranting pokok. Telur ini akan ditinggalkan oleh ibunya. Dalam jangka masa tertentu, telur ini akan menetas dan menjadi ulat beluncas. Ulat beluncas ini mempunyai badan yang berduri atau berbulu. Ulat beluncas hidup dengan memakan daun tanpa dipedulikan oleh ibunya. Ulat beluncas ini akan menyalin kulit sehingga membentuk kepompong dan mengalami proses tumbesaran. Akhirnya, kepompong akan bertukar menjadi seekor rama-rama yang cantik. Rama-rama ini akan dewasa dan proses kitaran hidup ini akan berulang-ulang.

TUTORIAL



Karangan Respons Terhadap

PRAKTIS 1

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.

Aku Sebuah Komputer Riba

dipasang di sebuah kilang → Taman Perindustrian Kulim Hi-Tech → dijual di sebuah kedai → dibeli dan diletakkan di sebuah pejabat berhawa dingin → banyak membantu pekerja menguruskan kewangan pejabat → berkhidmat selama lima tahun → dijual kepada pekerja di syarikat itu

Namaku Lenuva. Aku dipasang di sebuah kilang di Taman Perindustrian Kulim Hi-Tech. Aku sebuah komputer riba berteknologi tinggi yang dilengkapi dengan pelbagai teknologi moden. Aku dan rakan-rakan dipamerkan di sebuah ruang di pasar raya bertaraf lima bintang. Aku dan rakan-rakan dibeli oleh sebuah syarikat besar. Aku mendapat tuan yang baik hati dan dia meletakkan aku di sebuah bilik berhawa dingin. Setiap hari aku membantu pekerja di situ mengurus kewangan syarikat. Aku memang bijak kerana dapat menyelesaikan banyak perkara tentang kewangan dengan cepat dan pantas. Aku berkhidmat kepadanya tanpa jemu. Setelah berkhidmat selama lima tahun, syarikat itu ingin menjual aku kepada pekerjanya. Aku dibeli oleh tuan baharuku. Aku digunakan dengan baiknya.

PRAKTIS 2

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.

Rombongan ke Pameran Buku

peserta berkumpul – taklimat – bertolak dengan menggunakan bas – tiba di pusat pameran – pelbagai buku dijual – disertai oleh banyak syarikat penerbitan – promosi dengan harga murah – membeli beberapa buah buku dan majalah – bertolak pulang

Saya dan rakan-rakan berpeluang untuk melawat ke pameran buku yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Kami berkumpul di sekolah pada pukul 8:00 pagi. Cikgu Hisyam memberikan taklimat sebelum bas kami bertolak. Kami tiba di pusat pameran pada pukul 10:30 pagi. Pelbagai bahan bacaan dijual seperti majalah, buku cerita, buku agama, dan sebagainya. Pameran buku ini disertai oleh banyak syarikat penerbitan. Buku dijual dengan harga yang murah kerana terdapat potongan harga sehingga 70 peratus. Banyak orang yang datang untuk membeli buku di sini. Saya membeli beberapa buah buku dan majalah. Setelah selesai membeli-belah, kami pun bertolak pulang.

PRAKTIS 5

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Catatan Bercuti di Kampung

- 20 Mac 2025:** bangun awal sekitar jam 5:30 pagi – membantu ibu memasak untuk sarapan pagi dan bekal dalam perjalanan pulang ke kampung – pukul 9:00 pagi bertolak dari bandar ke kampung – tiba di kampung pada waktu maghrib
- 21 Mac 2025:** ke kebun bersama-sama nenek – pelbagai sayur dan pokok buah ditanam oleh nenek – nenek menjual hasil tanaman kepada pemborong di pekan berhampiran
- 22 Mac 2025:** menziarahi saudara-mara di kampung – petang – pulang bersama-sama ayah dan ibu

Pada cuti penggal sekolah yang lepas, kami sekeluarga bercadang untuk pulang ke kampung kerana ingin menziarahi nenek. Saya bangun seawal pukul 5:30 pagi kerana hendak membantu ibu memasak sarapan dan bekal untuk perjalanan pulang ke kampung nanti. Rumah nenek terletak jauh di utara tanah air. Kami bertolak pada pukul 9:00 pagi. Kami tiba di rumah nenek pada waktu maghrib. Kami disambut oleh nenek dan berbual-bual sebelum tidur kerana keletihan. Keesokan hari, saya dan nenek ke kebun untuk melihat pelbagai jenis sayur dan buah yang ditanam oleh nenek. Nenek menjual hasil tanaman kepada pemborong di pekan yang berhampiran. Kami juga berkesempatan untuk menziarahi saudara-mara di kampung sebelum bertolak pulang ke bandar pada waktu petang.

BAHAGIAN B**Karangan Respons Terbuka****NOTA EKSPRES**

1. Dalam bahagian karangan respons terbuka, murid dikehendaki supaya menulis karangan berdasarkan tema dan gambar yang diberikan.
2. Murid dikehendaki supaya menjawab satu daripada tiga soalan yang dikemukakan.
3. Panjangnya karangan murid hendaklah tidak kurang daripada 180 patah perkataan.
4. Untuk memperoleh markah yang cemerlang, terdapat beberapa kriteria yang harus diberikan penekanan oleh murid, iaitu:
 - (a) isi yang dikemukakan bernas dan matang.
 - (b) idea dihuraikan dengan jelas dan dapat difahami.
 - (c) penggunaan laras bahasa yang sesuai dengan jenis dan format karangan.
 - (d) penggunaan bahasa yang gramatis dan penggunaan kosa kata yang luas.
 - (e) penggunaan tanda baca, ejaan, dan isi atau fakta hendaklah betul.
 - (f) penanda wacana juga digunakan secara teratur dan tepat bagi memastikan idea disampaikan tersusun dan lancar.
5. Murid dinasihatkan supaya menjawab dalam enam perenggan yang terdiri daripada perenggan pendahuluan, isi-isi, dan penutup.
6. Setiap perenggan isi perlu mempunyai ayat topik, ayat huraian, dan ayat contoh. Murid juga dinasihatkan agar menggunakan pelbagai jenis ayat supaya karangan lebih menarik dan gramatis.

MODEL KARANGAN RESPONS TERBUKA

NOTA EKSPRES

Panduan Menulis Pendahuluan

1. Pendahuluan ialah pengenalan awal kepada pembaca.
2. Pendahuluan yang berkesan akan menarik minat pembaca untuk terus membaca karangan yang ditulis.
3. Pendahuluan hendaklah ditulis secara ringkas, iaitu antara empat hingga lima baris ayat.
4. Murid perlu membuat gambaran secara umum tentang tajuk tanpa memasukkan isi-isi karangan.

Panduan Menulis Perenggan Isi

1. Setiap isi mestilah ditulis dalam satu perenggan.
2. Untuk memantapkan isi, sertakan huraian dan contoh yang bersesuaian.
3. Perenggan isi disusun dengan menggunakan penanda wacana yang sesuai supaya keterangan setiap isi tidak terputus dan dapat memperlihatkan kesatuan idea yang mantap.

Panduan Menulis Penutup/ Kesimpulan

1. Perenggan penutup merupakan rumusan atau kesimpulan.
2. Elakkan daripada mengulangi fakta yang telah dinyatakan dalam perenggan isi dan elakkan memasukkan fakta baharu.
3. Perenggan penutup ditulis dalam bentuk umum tetapi tepat dan mantap.

Soalan: Ibu bapa berperanan penting dalam membentuk sebuah keluarga bahagia. Bincangkan cara-cara untuk memupuk keluarga bahagia.

Pendahuluan	keluarga ialah sebuah institusi asas bagi membentuk sebuah masyarakat – terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak – besar atau kecil sesebuah keluarga bergantung pada bilangan anak-anak – ibu bapa berperanan untuk mencorakkan kebahagiaan keluarga	
Perenggan	Isi	Huraian
Isi 1	menyediakan kemudahan asas yang mencukupi	tempat kediaman, makanan, pendidikan, pengangkutan, perubatan, dan pendidikan – anak-anak dapat membesar dengan sempurna
Isi 2	memberikan kasih sayang kepada anak-anak	melayan kerenah anak-anak – tidak bersikap pilih kasih – mengatasi emosi marah terhadap anak-anak – memberikan nasihat yang berguna – menjadi contoh teladan yang baik
Isi 3	sentiasa meluangkan masa bersama-sama anak-anak	membantu anak-anak menyiapkan kerja sekolah – mengisi masa cuti sekolah dengan kegiatan yang berfaedah – melancong atau berkelah bersama-sama keluarga
Isi 4	mengawasi aktiviti anak-anak	memastikan anak-anak tidak bergaul dengan rakan yang mempunyai akhlak buruk – mudah terpengaruh oleh tindakan rakan-rakan sebaya – darah muda mempunyai keinginan untuk melakukan perkara yang baharu
Penutup	keluarga bahagia menjamin anak-anak yang berjaya – bebas daripada gejala negatif – budaya sosial tidak menular dalam masyarakat – masyarakat aman dan sejahtera – remaja berwawasan pemangkin kepada pembangunan dan pemodenan negara	

MODEL KARANGAN LENGKAP

Keluarga merupakan sebuah institusi asas bagi membentuk sebuah masyarakat dan sebuah negara. Sesebuah keluarga terdiri daripada ibu bapa dan beberapa orang anak. Besar atau kecil sesebuah keluarga bergantung pada bilangan ahli keluarga tersebut. Ibu bapa yang merupakan ketua dalam keluarga perlu mencorakkan kebahagiaan keluarga tersebut.

Setiap ibu bapa perlu membuat perancangan yang rapi bagi membentuk keluarga yang bahagia. Mereka perlu menyediakan keperluan asas yang mencukupi seperti tempat kediaman, makanan, pakaian, dan pendidikan anak-anak. Mereka juga perlu menyediakan tabungan atau insurans pendidikan agar anak-anak mereka mendapat pendidikan yang sempurna. Tindakan tersebut menyebabkan anak-anak ini membesar dalam suasana yang bahagia.

Selain itu, ibu bapa perlu memberikan kasih sayang yang sepenuhnya kepada anak-anak. Mereka hendaklah bersabar ketika melayan kerenah anak-anak yang semakin hari semakin mencabar. Setiap anak mempunyai perangai dan kehendak yang berbeza-beza. Justeru itu, ibu bapa perlu bijak menangani kerenah mereka dan tidak bersikap pilih kasih. Ibu bapa perlu memberikan nasihat dan teguran dengan cara yang baik.

Kebanyakan ibu bapa kini sibuk dengan tugas harian mereka, iaitu mencari nafkah bagi memenuhi kehendak keluarga. Oleh itu, anak-anak terpaksa diserahkan kepada pembantu rumah. Mereka seharusnya meluangkan lebih masa untuk bersama-sama anak-anak. Misalnya, membantu anak-anak menyiapkan kerja sekolah mereka. Pada masa cuti, mereka boleh meluangkan masa untuk pergi melancong bersama-sama keluarga. Hal ini akan menyebabkan anak-anak berasa bahagia atas keprihatinan ibu bapa mereka.

Akhir sekali, ibu bapa wajar mengawasi aktiviti anak-anak mereka. Hal ini dilakukan bagi memastikan anak-anak tidak bergaul dengan rakan yang berakhlak buruk. Remaja masa kini mudah terpengaruh oleh tindakan rakan-rakan sebaya. Darah muda kebiasaannya mempunyai keinginan untuk melakukan perkara yang baharu. Dengan pemantauan oleh ibu bapa, anak-anak dapat mengetahui sama ada perbuatan yang dilakukan oleh mereka itu betul atau salah.

Kesimpulannya, keluarga bahagia berpunca daripada ibu bapa yang prihatin terhadap anak-anak mereka. Keluarga bahagia akan menjamin anak-anak yang berjaya dan bebas daripada gejala sosial. Seterusnya, masyarakat akan menjadi aman dan sejahtera. Remaja yang berwawasan pemangkin kepada pembangunan dan pemodenan negara pada masa hadapan.

A Karangan Surat Kiriman Rasmi

NOTA EKSPRES

1. Surat kiriman rasmi ditulis untuk membuat aduan, permohonan, bantahan, cadangan, rayuan, dan sebagainya.
2. Kandungan surat ini bersifat formal.
3. Gunakan bahasa baku dan ayat yang ringkas tetapi padat.
4. Panduan format surat rasmi seperti yang berikut:

_____	} (a)	

_____		(b)
_____	} (c)	(d)
_____		3 Mac 2025.

(e),	(f)	
_____	(g)	
2. _____	} (h)	
3. _____		
4. _____		

_____	} (i)	

Yang benar, (j)		
_____ (k)		
(_____) (l)		
_____ (m)		

- (a) alamat pengirim
- (b) garis melintang
- (c) alamat penerima
- (d) tarikh
- (e) panggilan hormat penerima
- (f) tajuk/ perkara
- (g) pendahuluan
- (h) perenggan isi
- (i) penutup
- (j) pengakuan pengirim
- (k) tandatangan
- (l) nama pengirim
- (m) jawatan pengirim

PRAKTIS BERPANDU

1. Masyarakat di kawasan tempat tinggal anda melakukan aktiviti gotong-royong bagi membersihkan kawasan tempat tinggal.

Tulis surat kepada pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan bantuan dan sumbangan bagi menjayakan program tersebut.

Rangka Karangan

Pendahuluan:

alamat pengirim dan penerima – tarikh – perkara

Isi-isi:

- (a) tujuan menulis surat – mengadakan aktiviti gotong-royong – nyatakan tarikh dan tempat aktiviti gotong-royong tersebut
- (b) kawasan kediaman yang kotor – longgokan tin-tin dan tayar buruk – ditumbuhi lalang dan pokok-pokok liar – habitat vektor pembawa penyakit
- (c) memohon bantuan dan sumbangan peralatan kebersihan – meminta bantuan untuk menyediakan beberapa orang pekerja daripada pihak berkuasa tempatan
- (d) makanan dan minuman disediakan oleh pihak rukun tetangga – berharap agar aktiviti berjalan dengan lancar

Penutup:

mengucapkan terima kasih atas kerjasama – pengakuan pengirim, tandatangan, nama penuh, dan jawatan

2. Kawasan tempat tinggal anda sering dilanda banjir kilat. Hal ini berlaku disebabkan oleh sistem perparitan yang tidak sempurna. Sebagai wakil penduduk, anda perlu menyediakan surat aduan kepada pihak berkuasa tentang perkara tersebut.

Tulis surat itu selengkapnya.

Rangka Karangan

Pendahuluan:

alamat pengirim dan penerima – tarikh – perkara

Isi-isi:

- (a) tujuan menulis surat – aduan tentang masalah banjir kilat – sering melanda kawasan perumahan apabila hujan lebat
- (b) berlaku kerana sistem perparitan yang tersekat akibat longgokan sampah – melimpah apabila hujan lebat
- (c) longkang yang sempit dan cetek turut menjadi punca – longkang perlu diperluas dan diperdalam
- (d) masalah dihadapi oleh penduduk – terpaksa memindahkan barang-barang setiap kali hujan lebat – mencari tempat yang lebih selamat

Penutup:

mengucapkan terima kasih atas kerjasama – pengakuan pengirim, tandatangan, nama penuh, dan jawatan

B Karangan Surat Kiriman Tidak Rasmi

NOTA EKSPRES

1. Surat kiriman tidak rasmi bersifat peribadi dan biasanya ditulis untuk keluarga, sahabat, dan sebagainya.
2. Bahasa yang digunakan hendaklah baku, ejaan yang betul, dan tanda baca yang betul.
3. Antara jenis surat kiriman tidak rasmi ialah surat bertanyakan khabar, surat ucapan tahniah, surat ucapan takziah, dan sebagainya.
4. Penulisan surat kiriman tidak rasmi mempunyai format yang khusus yang perlu dipatuhi.

PRAKTIS

Lihat gambar dan maklumat di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

PAMERAN SENI KRAF TANGAN MALAYSIA

Tempat:

Balai Seni Kraf Tangan
Kepala Batas, Pulau Pinang

Tarikh:


2 Jun hingga 20 Julai 2025

Masa:

9:30 pagi hingga 10:00 malam




Jualan barangan kraf tangan



Hasil seni yang halus



Kemahiran yang tinggi



Bengkel kraf tangan

1. Persatuan Bahasa Melayu sekolah anda akan mengadakan lawatan sambil belajar ke sebuah kilang perusahaan batik. Sebagai setiausaha, anda diminta untuk menulis sepucuk surat kepada pihak perusahaan batik tersebut.

Tulis surat anda selengkapnya.

2. Kraf tangan merupakan hasil buatan tangan yang unik.
Bincangkan kepentingan kraf tangan ini kepada masyarakat dan negara.
3. Tulis sebuah rencana yang bertajuk "Industri Kraf Tangan di Malaysia".

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

KERTAS 1 (02/1)

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Skor

/60

Bahagian A

1 jam 30 minit

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- “Puteri Nilam Sari jatuh _____ dan kini sedang dirawat oleh tabib,” kata Bendahara Tun Ali.

A beradu	<input checked="" type="radio"/> C gering
B bersiram	D santap
- Soo Ling pergi ke salon kecantikan untuk _____ rambutnya.

<input checked="" type="radio"/> A mendandan	C mengubah
B mengolah	D membuat

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- I Mak Teh membeli tiga bekas kayu api.

II Bekas luka di tangan abang masih jelas kelihatan.

III Ayah saya merupakan seorang bekas anggota tentera.

IV Ibu menyimpan biskut itu di dalam bekas plastik.

A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
<input checked="" type="radio"/> D II, III, dan IV sahaja
- I Murid-murid di kelas itu kebanyakannya berbadan tinggi.

II Lori yang berbadan besar itu menggunakan banyak minyak.

III Kak Ros masih lagi kuat bekerja walaupun dia berbadan dua.

IV Lelaki yang berbadan gemuk itu menjadi johan dalam pertandingan angkat berat.

A I dan II sahaja
<input checked="" type="radio"/> B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- “Masalah itu akan saya menyelesaikan cepat mungkin,” kata ayah kepada kakak.

A saya selesaikan cepat mungkin
<input checked="" type="radio"/> B saya selesaikan secepat mungkin
C saya menyelesaikan secepat mungkin
D saya menyelesaikan cepat mungkin
- Sekumpulan perompak telah melarikan barang kemas yang bernilai jutaan ringgit dari kedai emas itu.

<input checked="" type="radio"/> A Segerombolan perompak
B Sepasukan perompak
C Sekawan perompak
D Sekumpulan perompak

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- I Nenek tua itu memperdaya oleh pasangan suami isteri yang datang ke rumahnya.

II Penyakit Pak Ramli beransur pulih setelah mendapat rawatan di Hospital Pulau Pinang.

III Golongan remaja pada zaman sekarang pandai menggunakan peranti elektronik.

IV Tragedi tanah runtuh yang berlaku di Cameron Highlands baru-baru ini telah meragut lima nyawa.

A I dan II sahaja	C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja	<input checked="" type="radio"/> D II, III, dan IV sahaja
- I Begnya diletakkan di antara kedua-dua beg yang besar itu.

II Pemilihan Encik Azmi sebagai pengerusi persatuan itu tidak menyenangkan sesetengah pihak.

14. duafa, kudrat, dan makhluk
Perkataan-perkataan di atas merupakan contoh penggunaan gaya bahasa
- A** metafora.
B inversi.
C anafora.
D penggunaan bahasa arab.

15. Tema sajak ini adalah tentang
- A** hobi manusia yang suka menangkap burung.
B amalan yang baik dalam kehidupan.
C kepupusan hidupan liar.
D cara-cara menjaga hidupan liar.

Bahagian B

[30 markah]

1. Dalam setiap petikan dialog di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan dialog itu semula.

Juruacara A: Selamat pagi dan salam sejahtera. Bertemu kita sekali lagi dalam program BualBicara Siswa. Pada pagi ini, kita akan menemu bual seorang siswazah yang telah berjaya menerima Anugerah Diraja Universiti pada minggu lepas.

Juruacara B: Untuk makluman para hadirin, graduan pada hari ini haruslah berusaha dengan gigihnya untuk mencapai keputusan yang cermelang bagi membolehkan mereka terus bersaing dalam era globalisasi.

(i) BualBicara – Bual Bicara

(ii) cermelang – cemerlang

[2 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Kebanyakan penerbit-penerbit dari dalam negara turut menyertai Pameran Buku Antarabangsa yang sedang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur.

Kebanyakan penerbit-penerbit – Kebanyakan penerbit/ Penerbit-penerbit

(ii) Raja Negeri Kemboja telah menyuruh Laksamana Seri Bentan supaya mengetatkan kawalan di pintu masuk negeri itu.

menyuruh – menitahkan

[2 markah]

3. Baca arahan dengan telitinya dan jawab soalan yang diberikan. Sambungkan **ayat tunggal** yang berikut menjadi **ayat majmuk** tanpa mengubah makna asalnya.

(i) (a) Penduduk di Kampung Sejahtera menyedari sesuatu.

(b) Kampung mereka dilanda banjir.

Penduduk di Kampung Sejahtera menyedari bahawa kampung mereka dilanda banjir.

(ii) (a) Kamu hendak bermalam di sini?

(b) Kamu hendak pulang ke rumah?

Kamu hendak bermalam di sini atau pulang ke rumah?

Bahagian C

[15 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah **ringkasan** tentang **kelebihan perniagaan secara dalam talian**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Perniagaan secara dalam talian amat popular dan digemari oleh masyarakat pada masa ini. Perniagaan secara dalam talian mudah dibina dan dijalankan menggunakan modal yang lebih rendah. Oleh itu, mereka yang berasa risau untuk memulakan perniagaan dengan cara membuka kedai boleh memulakan perniagaannya secara dalam talian terlebih dahulu.

Kos untuk memulakan perniagaan tinggi tetapi perniagaan secara dalam talian tidak melibatkan kos sewa kedai, upah pekerja, dan kos ubah suai kedai. Selain itu, perniagaan secara dalam talian berisiko rendah berbanding dengan perniagaan biasa. Misalnya, anda tidak perlu mengeluarkan wang yang lebih untuk membeli aset seperti bangunan, alatan, dan kelengkapan lain semasa memulakan perniagaan. Peniaga juga dapat mengurus perniagaannya dengan sendiri tanpa perlu mengupah pekerja dan jumlah pelanggan tidak terhad, iaitu terdiri daripada pelbagai negeri. Peniaga secara dalam talian boleh menjalankan perniagaannya di seluruh dunia kerana segala maklumat dapat disebarkan kepada masyarakat melalui internet.

Perniagaan secara dalam talian juga memberikan peluang kepada peniaga untuk menjalankan perniagaannya selama 24 jam. Hal ini dikatakan demikian kerana teknologi yang canggih pada masa ini memberikan manfaat kepada pengguna untuk melayari internet pada setiap masa. Sebagai peniaga secara dalam talian, seseorang juga dapat menikmati kebebasan dari segi tempat bekerja. Dengan menjalankan perniagaan secara dalam talian, peniaga hanya perlu mengawal segala perkara yang berkaitan dengan perniagaan menggunakan komputer sahaja.

Sebagai kesimpulannya, perniagaan secara dalam talian memainkan peranan yang penting pada masa ini. Tambahan pula, masyarakat lebih gemar membuat pembelian secara dalam talian kerana harga barangan tersebut lebih murah berbanding dengan harga di kedai. Pengguna juga dapat menjimatkan masa kerana tidak perlu pergi ke pusat beli-belah dan boleh menjalankan urusan yang lain.

Antara kelebihan perniagaan secara dalam talian ialah perniagaan secara dalam talian mudah ditubuhkan dan diusahakan dengan menggunakan modal yang lebih rendah. Selain itu, kos untuk memulakan perniagaan secara dalam talian lebih rendah kerana tidak melibatkan kos sewa kedai, upah pekerja, dan kos ubah suai kedai. Perniagaan secara dalam talian juga berisiko rendah berbanding dengan perniagaan biasa. Selain itu, peniaga secara dalam talian dapat mengurus perniagaannya secara bersendirian tanpa perlu mengupah pekerja dan boleh menjalankan perniagaannya di seluruh dunia melalui Internet. Hal ini berlaku kerana segala maklumat dapat disampaikan kepada masyarakat melalui Internet. Perniagaan secara dalam talian juga memberikan peluang kepada peniaga untuk menjalankan perniagaannya selama 24 jam dan membolehkan peniaga menikmati kebebasan tempat bekerja. Dengan menjalankan perniagaan secara dalam talian, peniaga hanya perlu mengawal segala urusan perniagaannya dengan menggunakan komputer sahaja.

KERTAS 2 (02/2)

Arahan: Jawab soalan dalam **Bahagian A** serta **satu soalan** daripada **Bahagian B**.

1 jam

Bahagian A

[10 markah]

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.



Batik merupakan seni kraf tangan yang unggul di Malaysia. Seni batik ini sangat unik di Malaysia kerana industri batik ini telah dihasilkan oleh generasi terdahulu sejak turun-temurun lagi. Oleh itu, terdapat beberapa langkah yang perlu diambil untuk mengekalkan keunikan batik agar kraf tangan batik ini terus terpelihara dan tidak dilupai oleh masyarakat. Antara langkah tersebut termasuklah melakukan promosi dan kempen kesedaran tentang keunikan kraf tangan batik. Promosi ini bertujuan untuk memperkenalkan batik kepada masyarakat di dalam dan luar Malaysia melalui pameran. Langkah yang seterusnya ialah pihak kerajaan memberikan latihan dan kursus kepada semua pengusaha batik. Misalnya, agensi yang terlibat membantu melatih pengusaha batik dan orang ramai sehingga dapat melahirkan tenaga mahir berteknologi terkini. Selain itu, usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) boleh dilaksanakan supaya pihak pengusaha batik dapat mengenal pasti corak batik terkini yang dapat menembusi pasaran baharu dan dapat menarik minat masyarakat untuk menggunakan produk yang berasaskan batik. Pelaksanaan langkah-langkah tersebut akan membolehkan keindahan terpancar dalam seni batik dan tidak dilupakan oleh generasi akan datang.


Bahagian B

[30 markah]

Lihat gambar dan maklumat di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 180 patah perkataan**.



Mengasingkan barang yang boleh dikitar semula




Menganjurkan pelbagai aktiviti kitar semula



Membuang sampah mengikut kategori



Media massa menyebarkan maklumat



Tidak mempraktikkan aktiviti kitar semula



Menjadi contoh kepada anak-anak